

Umat Islam perlu celik ilmu kewangan elak kena tipu

**Oleh Mejar Prof Madya
Dr Mohd Adib Abd Muin**




Pensyarah
Pusat Pengajian
Perniagaan Islam
(IBS) Universiti
Utara Malaysia

Dalam kehidupan seharian, wang adalah salah satu keperluan penting bagi memenuhi tuntutan hidup. Namun begitu, pengurusan kewangan tidak terancang boleh menyebabkan seseorang menghadapi masalah kewangan, malah membuka ruang menjadi mangsa penipuan atau scam.

Oleh itu, masyarakat perlu mempunyai pengetahuan kewangan yang baik, berbelanja secara berhemah dan sentiasa berhati-hati sebelum membuat sebarang urusan berkaitan wang.

Islam pada asasnya menggalakan umatnya supaya mengurus harta dengan bijaksana. Allah SWT berfirman pada Surah al-Isra', ayat 26-27 bermaksud: *"Dan janganlah kamu membazir dengan seboros-borosnya. Sesungguhnya orang*



perbuatan menipu.

Baginda SAW bersabda bermaksud: "Sesiapa menipu kami, maka dia bukan daripada kalangan kami". (HR Muslim).

Hadis ini menunjukkan penipuan adalah perbuatan dilarang dalam Islam termasuk urus niaga atau perniagaan.

Dalam konteks masyarakat hari ini, perbuatan scam bukan sahaja merugikan mangsa dari sudut kewangan, malah boleh menyebabkan tekanan, hilang kepercayaan dan menjejaskan kehidupan keluarga.

Rasulullah SAW turut mengajar umatnya supaya tidak mengambil harta orang lain dengan cara yang batil. Allah SWT berfirman dalam Surah al-Baqarah, ayat 188 bermaksud: *"Dan jangan kamu makan (mengambil) harta sesama kamu dengan jalan yang batil"*.

Ayat ini jelas menunjukkan betapa mengambil harta orang dengan cara yang salah amat dilarang keras Allah SWT.

Oleh itu, masyarakat bukan


membazir itu saudara syaitan”.

Ayat ini mengajar umat Islam supaya tidak membelanjakan harta secara berlebihan dan tanpa perancangan yang betul. Pengurusan kewangan baik bermula dengan membezakan antara keperluan dan kehendak, menyediakan bajet bulanan serta memastikan sebahagian pendapatan disimpan untuk kegunaan kecemasan.

Selain itu, masyarakat juga perlu mengamalkan sikap berjiwat cermat berbelanja. Allah SWT berfirman dalam Surah al-Furqan, ayat 67 bermaksud: *“Dan mereka yang apabila membelanjakan harta, mereka tidak melampaui batas dan tidak pula kedekut. Dan perbelanjaan mereka sederhana antara kedua-duanya”.*

“

Antara langkah boleh diamalkan umat Islam bagi mengelak menjadi mangsa scammer ialah menyediakan bajet bulanan, dapatkan mentor kewangan atau penasihat kewangan bertauliah, mengutamakan keperluan, membina dana kecemasan, mengelakkan hutang tidak perlu dan menyemak kesahihan sesuatu pelaburan sebelum membuat keputusan”



(Foto hiasan)

Prinsip kesederhanaan ini amat penting dalam pengurusan kewangan. Seseorang yang mempunyai perancangan kewangan yang kukuh tidak mudah terpedaya dengan tawaran yang menjanjikan keuntungan luar biasa dalam masa yang singkat.

Sebaliknya, mereka akan membuat semakan dan pertimbangan terlebih dahulu sebelum menyerahkan wang atau maklumat peribadi kepada pihak lain.

Dalam menghadapi ancaman scam, masyarakat Islam perlu mengamalkan prinsip tabayyun, iaitu menyemak dan memastikan kesahihan sesuatu maklumat sebelum mempercayainya.

Allah SWT berfirman dalam Surah al-Hujurat, ayat 6 bermaksud: *“Maka selidikilah (kebenarannya)”*.

Prinsip ini sangat sesuai diamalkan pada era digital di zaman moden ini. Penipu atau scammer sering menggunakan panggilan telefon, mesej, media sosial, pautan palsu dan tawaran pelaburan untuk memperdaya mangsa.

Jangan mudah mempercayai

Banyak laporan media memaparkan individu kerugian ratusan ribu ringgit kerana terpedaya dengan scammer. Oleh itu, jangan mudah mempercayai mesej mendesak atau mendorong kita membuat bayaran segera, memberikan nombor akaun, kata laluan perbankan atau kod pengesahan.

Sebarang maklumat kewangan hendaklah disemak melalui saluran rasmi terlebih dahulu. Rasulullah SAW juga mengingatkan umat Islam supaya menjauhi

sahaja perlu melindungi diri daripada menjadi mangsa scam, tetapi juga perlu memastikan sumber pendapatan dan cara memperoleh keuntungan adalah halal serta tidak menzalimi orang lain.

Tawaran keuntungan perniagaan terlalu lumayan, skim tidak jelas dan permintaan bayaran pendahuluan luar biasa jumlahnya seharusnya menimbulkan tanda tanya.

Antara langkah boleh diamalkan umat Islam bagi mengelak menjadi mangsa scammer ialah menyediakan bajet bulanan, dapatkan mentor kewangan atau penasihat kewangan bertauliah, mengutamakan keperluan, membina dana kecemasan, mengelakkan hutang tidak perlu dan menyemak kesahihan sesuatu pelaburan sebelum membuat keputusan.

Masyarakat juga perlu meningkatkan ilmu literasi kewangan supaya dapat memahami risiko, kontrak, pulangan pelaburan dan kaedah transaksi dengan lebih baik.

Kesimpulannya, pengurusan kewangan yang bijak bukan sekadar bertujuan memastikan wang mencukupi untuk keperluan harian, tetapi sebahagian daripada amanah dalam kehidupan.

Islam mengajar umatnya supaya tidak membazir, bersederhana dalam berbelanja, menyemak sesuatu berita serta menjauhi penipuan dan pengambilan harta secara batil.

Berbekalkan ilmu, perancangan dan sikap berhati-hati, masyarakat dapat mengurus kewangan dengan lebih baik serta mengurangkan risiko menjadi mangsa scam.